



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA BANCI PERTANIAN 2024

PROGRAM LAWATAN KERJA BANCI PERTANIAN 2024 OLEH PESURUHJAYA BANCI DI NEGERI KELANTAN

**72,103 TEMPAT KEDIAMAN DAN 246 PERTUBUHAN PERNIAGAAN TELAH SELESAI
DILAWATI DI NEGERI KELANTAN**

Gua Musang, 22 September 2024 – Banci Pertanian 2024 yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah bermula pada 7 Julai 2024 kini telah memasuki hari ke 78. Bancian berskala besar ini meliputi bancian ke atas isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, ternakan, perikanan dan akuakultur serta pembalakan dan perhutanan. Menurut YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 sebanyak 87,621 tempat kediaman dan 420 pertubuhan perniagaan yang melaksanakan aktiviti pertanian terlibat dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di seluruh Negeri Kelantan.

Sehingga 20 September 2024, DOSM Kelantan telah selesai menjalankan bancian terhadap sebanyak 72,103 (82.3 peratus) tempat kediaman pertanian. Manakala bagi pertubuhan perniagaan pula sebanyak 246 (58.6 peratus) yang terlibat dengan aktiviti pertanian telah selesai dilawati. Jajahan Gua Musang merekodkan peratus tempat kediaman pertanian selesai dilawati paling tinggi iaitu 101.9 peratus, diikuti oleh Machang (101.3%), Pasir Mas (96.1%), Jeli (94.0%), Pasir Puteh (92.2%), Tanah Merah (91.3%), Kuala Krai (80.5%) dan Lojing (75.6%).

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan demikian semasa mengadakan lawatan ke perusahaan Ikan Kelah di Lepan Jaya, Gua Musang sempena dengan Program Lawatan Kerja Pesuruhjaya Banci Pertanian di Negeri Kelantan bermula 22 sehingga 24 September 2024. Turut hadir sama adalah Ketua Jajahan Gua Musang, YABrs. Tuan Haji Nik Raisnan Haji Daud dan Encik Abang Saifulhadi Abang Haji Ibrahim, Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian Negeri Kelantan. Selain daripada Jajahan Gua Musang, Pesuruhjaya Banci akan turut mengadakan lawatan kerja ke beberapa Jajahan lain seperti Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Machang dan Kuala Krai.

Sektor Pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Kelantan selepas Sektor Perkhidmatan. Pada tahun 2023 sebanyak 20.3 peratus (RM5,610 juta) telah disumbangkan oleh sektor tersebut. Subsektor tanaman adalah penyumbang terbesar dalam sektor pertanian iaitu 14.8 peratus, diikuti subsektor perhutanan dan pembalakan (3.1%), subsektor perikanan (1.3%) dan subsektor ternakan (1.1%). Keluasan kawasan bertanam bagi Negeri Kelantan adalah 413,415 hektar dengan peratus bertanam sebanyak 27.5 peratus. Bachok dan Tumpat mempunyai peratus bertanam paling tinggi masing-masing sebanyak 83.4 peratus dan 74.9 peratus berbanding keluasan tanah di Jajahan tersebut.

Selaras dengan tema “**Kunci Kemajuan Pertanian**”, Banci Pertanian 2024 penting dalam menghasilkan penanda aras baharu bagi mewujudkan pengkalan data yang *real time*, komprehensif dan *reliable*. Dapatan Banci Pertanian 2024 ini akan menjadi input dalam perancangan dasar dan strategi untuk memajukan lagi sektor pertanian negara.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 sememangnya memerlukan kerjasama semua pengusaha isi rumah, institusi dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian. Justeru, semua pihak yang terlibat di seluruh negara diseru memberi kerjasama penuh dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 ini. Maklumat lanjut berkaitan Banci Pertanian 2024 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu www.myagricensus.gov.my dan laman Facebook Banci Pertanian 2024 www.facebook.com/bancipertanian2024/. Orang awam tidak perlu bimbang untuk berkongsi maklumat kerana kerahsiaan tersebut dijamin sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Banci 1960.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “**Statistik Nadi Kehidupan**”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KELANTAN
22 SEPTEMBER 2024**